

25/05/2003

Pakej langkah jangka panjang perkukuh ekonomi

PASIR MAS: Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad Rabu lalu, lebih kepada langkah memperbaiki jentera pentadbiran kerajaan dan melonggarkan beberapa peraturan berkaitan pelaburan.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa

Mohamed, berkata pakej itu juga bukan tertumpu kepada isu semasa, malah untuk jangka panjang ke arah mengukuhkan ekonomi negara.

Dengan itu, katanya, kerajaan lebih bersiap sedia untuk menjadi sebuah negara yang mampu bersaing dengan negara lain.

"Yang penting kita bukan saja perlu terus mengekalkan daya saing, tetapi meningkatkan daya negara yang berada dalam suasana perlumbaan (ekonomi dan perdagangan).

"Kita berlumba dengan negara lain untuk menjual barangan kita," katanya

selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ibrahim Satu, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion berteraskan empat pendekatan utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara

dalam keadaan persekitaran global yang tidak menentu.

Mustapa juga meminta sektor swasta seperti institusi kewangan memperbaiki jentera mereka dengan mengurangkan kerenah birokrasi ke arah membantu melicinkan urusan perniagaan dalam negara.

"Dengan itu kita lebih bersedia untuk menjadi sebuah negara yang mampu bersaing dengan negara lain," katanya.

Ditanya adakah pergolakan di Indonesia boleh memberi kesan kepada ekonomi negara, beliau berkata, setakat ini tidak ada.

Katanya, kerajaan menganggap pergolakan itu `perang saudara' dan rakyat

Malaysia harus menerima sebagai iktibar.

"Peperangan itu boleh menghancurkan kekuatan umat Islam serta melemah dan memberi ruang kepada pihak lain mengambil kesempatan," katanya.